

RENCANA
UTAMA

BUAH pinggang
yang rosak
akan diganti
baharu jika
pembedahan
buah pinggang
dilakukan.

PESAKIT buah
pinggang perlu
menjalani
rawatan
hemodialisis
sepanjang
hidupnya jika
tidak melakukan
pemindahan
buah pinggang.

Derma organ opsyen untuk pesakit ESRD

KOSMO 17/10/2018 M/S 22

Rawatan terbaik untuk pesakit kegagalan buah pinggang tahap akhir (ESRD) adalah melalui pembedahan pemindahan buah pinggang.

BENGGKAK pada betis hingga ke kakinya sejak lima bulan menyebabkan pergerakan **Amirul Nizam Marodzi**, 44, agak terbatas. Dia juga sering cepat rasa letih dan semput meskipun hanya melakukan kerja-kerja yang ringan. Penjawat awam itu pada mulanya beranggapan, bengkak pada kakinya itu mungkin akibat kesan sampingan kemalangan jalan raya yang dialaminya pada tahun 2012.

Ekoran rasa semput dan letih melampau itu akhirnya menggerakkan hati Amirul Nizam untuk pergi ke Hospital Tuanku Fauziah di Kangar, Perlis menjalani pemeriksaan kesihatan.

Niatnya hanya mahu menjalani pemeriksaan. Nasib tidak menyebelainya apabila dia telah ditahan hampir tiga minggu di wad hospital tersebut.

“Doktor mengesahkan bahawa saya menghidap *End Stage Renal Disease* (ESRD) iaitu sejenis penyakit kegagalan buah pinggang berfungsi pada tahap akhir dan perlu melakukan hemodialisis,” jelasnya.

Hemodialisis ialah satu daripada kaedah rawatan buah pinggang yang menggunakan mesin.

Semasa hemodialisis dilakukan, dua jarum khas dicucuk di bahagian lengan pesakit untuk mengalirkan darah dan disambungkan ke mesin hemodialisis melalui tiub darah.

Satu jarum digunakan untuk mengalirkan darah yang mengandungi bahan kumuh dari badan.

Darah itu dibersihkan menggunakan mesin hemodialisis.

Darah yang telah dibersihkan akan masuk semula ke dalam badan melalui jarum yang satu lagi. Pesakit perlu menjalani sesi hemodialisis tiga kali seminggu dengan tempoh setiap sesi rawatan sekitar empat jam.

Mengakui agak sukar menerima berita tersebut, Amirul Nizam tidak pernah mengalami penyakit serius yang boleh menyebabkan buah pinggangnya rosak.

Bagaimanapun, Amirul Nizam akhirnya reda dengan ketentuan bahawa dia menghidap penyakit buah pinggang tahap akhir.

Sejak lima tahun lalu, menjadi rutin untuk Amirul Nizam menjalani hemodialisis.

Disebabkan perlu menjalani rawatan tersebut, Amirul Nizam merasakan masa berkualiti untuk bersama keluarga semakin berkurangan. Apatah lagi, dia juga mudah merasa penat dan mual.

Jelasnya, kos untuk melakukan hemodialisis agak mahal tetapi dia bersyukur kerana sebagai penjawat awam dan kos tersebut ditanggung oleh kerajaan.

Tahun lalu, ayah kepada Amirul Nizam telah mengambil keputusan untuk menderma buah pinggang kepada anaknya itu.

Tetapi setelah pemeriksaan dilakukan, buah pinggang ayahnya tidak sesuai untuk didermakan berikutan ayahnya menghidap diabetes.

Setelah ahli keluarga Amirul Nizam berbincang, adiknya, Shahrul Amir Marodzi bersetuju untuk menderma buah pinggang kepada abangnya.

“Saya tidak meminta mereka untuk berbuat demikian. Tetapi kerana kasih sayang antara keluarga kami begitu kuat adik saya mengambil keputusan untuk menderma buah pinggangnya kepada saya.

“Akhirnya pada November tahun

lalu saya telah menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang di Pusat Pakar Perubatan Universiti Teknologi Mara (PPUiTM) di Sungai Buloh, Selangor,” jelasnya.

Amirul Nizam merupakan pesakit pertama yang melakukan pembedahan pemindahan buah pinggang di PPUiTM.

Kini setelah hampir setahun menjalankan pembedahan tersebut Amirul Nizam semakin sihat dan tidak perlu lagi melakukan hemodialisis.

Peningkatan

Masalah ESRD ataupun kegagalan buah pinggang tahap akhir bukanlah sesuatu yang baharu dalam kalangan rakyat di negara ini.

Bilangan pesakit yang menghidap penyakit itu juga menunjukkan peningkatan yang membimbangkan di Malaysia.

Pakar Nefrologi PPUiTM, Dr. Muhammad Iqbal Abdul Hafidz berkata, pada tahun 2015 Malaysia telah menduduki tangga kesembilan tertinggi dalam kadar ESRD.

Jelasnya, bilangan pesakit ESRD baharu telah meningkat hampir dua kali ganda daripada 3,167 pesakit setahun pada tahun 2005 kepada 7,967 pesakit setahun pada tahun 2015.

“Bilangan pesakit dialisis baharu setiap tahun juga telah meningkat hampir tiga kali ganda daripada 13,356 pesakit pada tahun 2005 kepada 37,729 pesakit pada tahun 2015.

“Angka ini dijangka terus meningkat kerana hasil kajian penyakit buah pinggang kronik (CKD) iaitu keadaan sebelum ESRD dianggarkan berlaku kepada hampir 10 peratus golongan dewasa di negara ini,” jelasnya.

Bagi mereka yang berhadapan dengan penyakit ini terdapat tiga opsyen rawatan iaitu dengan melakukan hemodialisis, peritoneal dialisis dan pemindahan buah pinggang.

Peritoneal dialisis adalah salah satu



MUHAMMAD IQBAL




AMIRUL NIZAM




AHLI keluarga boleh menjadi penderma kepada pesakit buah pinggang.

Buah pinggang
baharu



Buah pinggang
rosak



Pundi
kencing

BUAH pinggang
baharu akan
dimasukkan ke
dalam tubuh
manusia.

KOSMO 17/10/2019

MIS 23

kaedah modaliti dialisis.

Kaedah ini memerlukan cecair dialisis dimasukkan ke dalam rongga peritoneal di ruang abdomen melalui tiub khas yang dimasukkan secara kekal melalui prosedur pembedahan kecil.

pinggang dilakukan di negara ini," kata Muhammad Iqbal.

Statistik terkini mendedahkan lebih daripada 21,000 pesakit kegagalan buah pinggang dalam senarai menunggu.

Antara faktor yang menyukarkan misi ini dilaksanakan kerana stigma

hanya perlu dijalankan sekali sahaja berbanding rawatan dialisis yang perlu dilakukan secara berterusan.

"Bahkan, kos keseluruhan untuk pemindahan buah pinggang ini juga lebih rendah dalam jangka panjang jika dibandingkan dengan kaedah lain."



RENCANA UTAMA

KEMPEN tentang pendermaan organ dilakukan bagi membolehkan ramai pesakit buah pinggang diselamatkan.

INFO

Buah
Pinggang

- Dua organ dalam bentuk kacang dan sebesar genggam
- Terletak di kedua-dua

Paling rendah

Muhammad Iqbal menjelaskan, rawatan terbaik untuk pesakit merawat penyakit buah pinggang tahap akhir ialah pembedahan pemindahan buah pinggang.

Rawatan tersebut bertujuan menggantikan buah pinggang yang rosak dengan buah pinggang baharu.

“Buah pinggang baharu ini melakukan fungsi yang tidak dapat dilakukan oleh buah pinggang yang telah rosak.

“Jika berjaya dan buah pinggang itu mempunyai fungsi yang baik, hemodialisis boleh dihentikan dan pesakit boleh hidup normal seperti biasa,” katanya.

Walaupun pembedahan pemindahan buah pinggang telah dilakukan sejak empat dekad lalu di negara ini, kadarnya antara yang terendah di dunia.

Jika dibandingkan dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara kadar pemindahan buah pinggang di Malaysia masih rendah.

“Bilangan pesakit yang menjalani haemodialisis terus meningkat dari tahun ke tahun. Sebaliknya, pemindahan buah pinggang mencatatkan penurunan.

“Pada tahun 2016, hanya 48 pembedahan pemindahan buah

sebagai penderma organ.

Ramai yang berikrar untuk menjadi penderma organ selepas mati tetapi kebanyakan keputusan mereka akan ditentang oleh ahli keluarga masing-masing.

Muhammad Iqbal menjelaskan, ada dua konsep untuk penderma buah pinggang iaitu penderma hidup dan penderma selepas kematian.

“Bagi penderma hidup ia boleh melalui keluarga terdekat dan mempunyai pertalian darah atau emosi dengan pesakit.

“Sementara untuk penderma selepas kematian adalah mereka yang meninggal disebabkan mati otak dan telah berikrar menjadi penderma organ,” jelasnya.

Dalam pada itu, Muhammad Iqbal menjelaskan, pemindahan buah pinggang di negara ini juga kurang menjadi pilihan kerana ramai pesakit menganggap rawatan yang terbaik untuk memulihkan buah pinggang adalah dengan hemodialisis.

Sebetulnya, pesakit yang menerima buah pinggang baharu mempunyai kualiti hidup yang lebih baik berbanding pesakit yang menjalani rawatan dialisis dalam jangka panjang.

“Pemindahan buah pinggang

tegasnya.



KOK PENG

Memurut Muhammad Iqbal, antara sebab kurangnya pemindahan buah pinggang di negara ini ialah kekurangan pakar bedah pemindahan buah pinggang.

Di Malaysia hanya terdapat tiga hospital awam yang menawarkan pemindahan buah pinggang. Sejak tahun 2009 kadar pemindahan buah pinggang di negara ini menunjukkan penurunan.

“Jika perkara ini berterusan, apa yang membimbangkan pembedahan ini akan menjadi prosedur yang amat sukar untuk dikuasai kerana kurangnya peluang pakar berbuat demikian,” jelasnya.

Sementara itu, **Pakar Nefrologi Universiti Malaya, Prof. Dr. Ng Kok Peng** berkata, kes pertama pemindahan buah pinggang di Malaysia dilakukan pada tahun 1975.

Jelasnya, pesakit yang menerima buah pinggang baharu biasanya hidup lebih lama berbanding mereka yang hanya melakukan hemodialisis.

“Pesakit yang menjalani pemindahan buah pinggang secara puratanya akan hidup antara 10 hingga 15 tahun lebih lama rawatan hemodialisis,” katanya.

ruang tulang belakang pada aras pinggang
■ Fungsinya adalah untuk mencuci darah daripada sisa buangan dan lebihan air yang diperlukan tubuh
■ Sisa dan air yang berlebihan akan ditapis semasa darah melalui buah pinggang
■ ESRD merupakan kegagalan buah pinggang tahap akhir
■ Punca penyakit buah pinggang disebabkan penyakit diabetes, hipertensi serta mempunyai sejarah keluarga yang menghidap penyakit tersebut
■ Tanda awal mengalami penyakit tersebut pesakit akan mudah merasa letih dan tidak bertenaga, membuang air kecil yang kerap pada waktu malam, mengalami bengkak pada kaki serta hilang selera makan

Jelaskan pada keluarga niat menderma

ISU pendermaan organ bagi kebanyakan masyarakat di negara ini masih dianggap tabu meskipun ia adalah salah satu alternatif untuk menyelamatkan nyawa.

Pengurus Klinikal Pusat Sumber Transplan Nasional, Dr. Hasdy Haron

berkata, jika masyarakat di negara ini berikrar untuk menderma organ mereka sebenarnya memberi kehidupan kedua kepada mereka yang



HASDY

memerlukan. Menurut Hasdy, meskipun penderma bersetuju untuk mendermakan organ mereka selepas meninggal dunia, ada cabaran lain yang terpaksa mereka hadapi.

“Meskipun penderma sudah memberi persetujuan, kita tetap memerlukan kebenaran waris terlebih dahulu selepas pengikrar meninggal dunia. Adakalanya waris tidak membenarkan setelah mereka meninggal.

“Justeru, bagi mereka yang berikrar untuk menjadi penderma sebaiknya terangkan kepada keluarga tentang hasrat tersebut,” jelasnya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Setakat ini, senarai pesakit buah pinggang yang menunggu untuk mendapatkan organ tersebut dianggarkan 21,000 orang.

Selain buah pinggang, organ-organ lain yang diperlukan termasuklah buah pinggang, hati, jantung, paru-paru dan tisu kornea mata.

“Sejak tertubuhnya Pusat Sumber Transplan Nasional pada

1997 jumlah mereka yang berikrar untuk menderma organ juga menunjukkan peningkatan.

“Buat masa kini lebih 400,000 rakyat Malaysia telah berikrar sebagai penderma organ,” jelasnya.

Menurut Hasdy masih ada umat Islam yang masih ragu-ragu tentang hukum menderma organ dan fatwa menjelaskan ia adalah harus.

“Kami juga telah bekerjasama dengan jabatan agama dan fatwa menjelaskan pendermaan organ ini adalah sesuatu yang harus,” katanya.